

2.0 KAEDAH BAYARAN

Tunai
(Kauunter PTPTN sahaja)

Auto Debit
(Sila isi Bahagian 3.0)

Potongan Gaji
(Sila isi Bahagian 4.0)

3.0 BUTIRAN AUTO DEBIT

Jenis Bank	<input type="checkbox"/> RHB Bank <input type="checkbox"/> Maybank	<input type="checkbox"/> Bank Islam <input type="checkbox"/> CIMB Bank	<input type="checkbox"/> Bank Simpanan Nasional																				
Jenis Akaun	<input type="checkbox"/> Akaun Simpanan	<input type="checkbox"/> Akaun Semasa																					
Nombor Akaun Bank	<table border="1"><tr><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td></tr></table> <p><i>*Pastikan akaun bank adalah akaun persendirian atas nama pendeposit</i></p>			<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>				

4.0 BUTIRAN POTONGAN GAJI

Jenis Agensi Perkhidmatan	<input type="checkbox"/> Kerajaan Persekutuan <input type="checkbox"/> Kerajaan Negeri	<input type="checkbox"/> Badan Berkanun <input type="checkbox"/> Swasta	
Nama Majikan			
Alamat Majikan	Poskod:		
Nombor Telefon Majikan		No. Gaji / No. Pekerja	
***Kementerian / Jabatan / Agensi		***Kod Pejabat Perakaunan	

*** Diisi oleh kakitangan awam yang membuat potongan gaji melalui Jabatan Akauntan Negara (JANM) sahaja. Sila rujuk maklumat pada slip gaji.

5.0 KENYATAAN KESIHATAN (PAKEJ BERLIAN SAHAJA)

5.1 Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya:	Pendeposit
(a) MEMPUNYAI kecacatan fizikal, gangguan, kecacatan dan / atau sebarang keadaan yang menjejaskan pergerakan, penglihatan dan / atau pendengaran.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
(b) PERNAH MEMPUNYAI sebarang tanda-tanda dan simptom-simptom atau perundingan, atau menderita, atau diberitahu menghidapi, atau menerima rawatan atau pernah dirawat bagi sebarang penyakit kanser, ketumbuhan atau sebarang jenis tumor, strok, tekanan darah tidak normal, kolesterol tinggi, penyakit jantung atau serangan jantung, kencing manis, masalah buah pinggang, penyakit pernafasan, penyakit saraf (termasuk epilepsi), penyakit pencernaan, penyakit hati (termasuk hepatitis) atau penyakit mental, atau sebarang penyakit kelamin, HIV, AIDS, atau sebarang keadaan berkaitan AIDS;	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
(c) PERNAH disarankan untuk menjalani sebarang ujian diagnostik (SELAIN daripada penyakit biasa seperti demam, selsema dan batuk) - seperti x-ray, ultrabunyi, ujian darah, imbasan CT, biopsi, ECG, air kencing – ke atas sebab penyakit-penyakit yang tertentu dan mempunyai keputusan yang tidak normal dan / atau dimasukkan ke hospital selama lebih dari 5 hari berturut-turut (SELAIN daripada penyakit biasa seperti demam, selsema dan batuk) atau prosedur pembedahan yang berkaitan dengan sebarang penyakit atau sakit.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak

6.0 AKAD PENDEPOSIT DENGAN "PTPTN"

Saya dengan ini memohon untuk menyimpan di dalam SSPN-*i* ^{gus} di bawah kontrak 'Wakalah Bil Istithmar' demi kepentingan penerima manfaat yang dinamakan di atas. Saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan di atas adalah benar menurut Akta Akaun Berkanun 1960 dan segala kenyataan dan akaun di dalam borang permohonan ini akan menjadi asas kepada perjanjian di antara saya dengan PTPTN dan ianya disifatkan sebagai tergabung di dalam perjanjian ini. Sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar, PTPTN berhak untuk menolak permohonan saya. Saya dengan ini bersetuju untuk membayar amaun Simpanan Bulanan SSPN-*i* ^{gus} dan Sumbangan Bulanan Takaful mengikut pakej yang saya pilih.

PTPTN berhak untuk menutup akaun SSPN-*i* ^{gus} tanpa perlu mendapatkan kebenaran daripada pendeposit bagi keadaan berikut;

- Tiada sebarang amaun Simpanan Bulanan SSPN-*i* ^{gus} dan Sumbangan Bulanan Takaful diterima selepas tamat 30 hari tempoh ihsan yang diberikan;
- Pendeposit telah mencapai umur 65 tahun atau penerima manfaat telah mencapai umur 29 tahun mana yang terdahulu dan;
- Kematian pendeposit.

PTPTN telah melaksanakan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 (Akta 709) dan telah berkuatkuasa pada 15 November 2013. UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA LAYARI www.ptptn.gov.my/web/guest/dasarprivasi.

7.0 NOTIS PENTING UNTUK PELAN TAKAFUL

1. DATA PERIBADI - Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful") melindungi data peribadi anda selaras dengan undang-undang di Malaysia. HLM Takaful menggunakan data peribadi mengikut Notis Data Peribadi HLM Takaful sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa ("Notis Data Peribadi"). Notis Data Peribadi menerangkan tujuan pengumpulan data, orang yang kepadanya HLM Takaful boleh memindahkan data, data akses anda dan hak-hak pembetulan anda dan bagaimana anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data/Pegawai Pematuhan HLM Takaful. Salinan Notis Data Peribadi boleh didapati atas permintaan atau daripada laman web HLM Takaful (www.hlmsigtakaful.com.my).
2. Perenggan 5 dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") yang dikenakan ke atas anda:
 - (a) kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat salahnyata kepada Pengendali Takaful ketika menjawab mana-mana soalan di dalam borang cadangan ini; dan
 - (b) kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk mendedahkan kepada Pengendali Takaful mana-mana perkara lain yang anda tahu yang mungkin relevan dengan keputusan Pengendali Takaful sama ada untuk menerima risiko yang Pengendali Takaful diminta untuk menerima dan kadar dan terma yang hendak digunakan.

Perenggan 5 dalam Jadual 9 IFSA juga menetapkan bahawa kewajipan anda yang dinyatakan dalam (a) atau (b) di atas hendaklah berterusan sehingga Sijil Takaful itu dibuat, diubah atau diperbaharui.
3. Menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Pengendali Takaful dikehendaki mengesahkan dan mengenal pasti identiti pelanggannya. Sekiranya bukti pengenalan tidak diberikan secukupnya, borang cadangan mungkin tidak diterima.
4. Anda dinasihatkan bahawa anda tidak sepatutnya menandatangani borang permohonan ini melainkan jika ianya telah dilengkapkan pada tahap kepuasan anda kerana anda bertanggungjawab untuk jawapan yang diberikan di dalam borang permohonan ini apabila ianya telah ditandatangani oleh anda.
5. Pembayaran yang diterima oleh PTPTN bersama dengan permohonan ini boleh dianggap akan diterima tanpa syarat dan Sijil Takaful akan dikeluarkan kecuali bagi Pakej Berlian.
6. Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

8.0 AKAD PENDEPOSIT DENGAN PENGENDALI TAKAFUL

- 8.1 Saya bersetuju untuk menyertai perlindungan Takaful yang diaturkan oleh PTPTN dan diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (Pengendali Takaful).
- 8.2 Saya mengakui dan mengesahkan semua jawapan dan kenyataan yang diberikan di atas di dalam permohonan ini, bersama-sama dengan sebarang dokumen atau borang soal jawab yang berkaitan dengan permohonan ini adalah penuh, lengkap dan benar.
- 8.3 Saya bersetuju bahawa segala pernyataan danakuan yang terkandung di dalam Borang Permohonan ini akan menjadi asas kepada kontrak takaful di antara saya dengan Hong Leong MSIG Takaful Berhad (Pengendali Takaful) dan ianya disifatkan sebagai tergabung di dalam perjanjian ini. Pengendali Takaful berhak untuk menolak permohonan saya dan tidak membayar manfaat Takaful yang ditawarkan.
- 8.4 Oleh kerana adalah digalakkan agar umur Pemegang Sijil dan Peserta disahkan sebelum polisi kontrak dikeluarkan (agar bukti dokumen berkaitan umur tidak lagi diperlukan ketika bayaran dibuat di bawah polisi kontrak), salinan KP, sijil lahir atau pasport saya sebagai Pemegang Sijil dan/atau Peserta adalah dilampirkan bersama-sama permohonan ini.
- 8.5 Saya sedar yang saya boleh meminta salinan Sijil Induk yang mengandungi terma-terma dan syarat-syarat Perlindungan Takaful ini dari Pemegang Sijil Induk.
- 8.6 Saya telah meneliti dan memahami sepenuhnya brosur, Ilustrasi Manfaat dan/atau Helaian Pendedahan Produk yang telah diberikan kepada saya mengenai perlindungan Takaful yang ingin saya sertai. Saya memahami manfaat yang ditawarkan oleh perlindungan Takaful tersebut dan berpuas hati bahawa ianya memenuhi keperluan saya.
- 8.7 Saya bersetuju melantik Pengendali Takaful untuk mengendali dan melabur kedua-dua Akaun Peserta (AP) dan Dana Risiko Peserta (DRP) mengikut kepakaran Pengendali Takaful dan berlandaskan terma-terma dan syarat-syarat Sijil Induk.
- 8.8 Saya juga bersetuju untuk membenarkan Pengendali Takaful memotong 25% dari Sumbangan Takaful sebagai Yuran Wakalah untuk perbelanjaan berkaitan pengendalian dan kos-kos berkaitan pendedahan.
- 8.9 Saya selanjutnya bersetuju bahawa baki dari Sumbangan Takaful saya mungkin akan diperuntukkan ke dalam Akaun Peserta (AP) dan sebahagian daripada baki di dalam AP mungkin akan dipotong dan dikreditkan ke dalam DRP sebagai komitmen saya untuk melakukan Tabarru' (Iltizam Bi Al Tabarru').
- 8.10 Baki sumbangan Takaful saya di dalam AP akan dilaburkan oleh Pengendali Takaful dan keuntungan daripada pelaburan ini (jika ada) hendaklah dikreditkan ke dalam AP selepas ditolak bahagian keuntungan Mudharabah untuk Pengendali Takaful sebanyak 10% dari jumlah keuntungan pelaburan.
- 8.11 Saya memahami bahawa lebihan di dalam DRP ditentukan secara tahunan pada akhir Tahun Kewangan Pengendali Takaful dan akan dibayar kepada peserta yang layak pada penutupan Tahun Kewangan Pengendali Takaful. Peratusan tertentu daripada lebihan, tahap yang difikirkan sesuai oleh Pengendali Takaful akan disimpan untuk menubuhkan Rizab Kontingensi. Saya bersetuju bahawa 50% daripada jumlah lebihan itu hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful sebagai yuran prestasi berdasarkan kontrak Ju'alah dan baki 50% akan dibayar kepada saya.

- 8.12 Jika jumlah lebih adalah RM10 ataupun kurang, Saya bersetuju lebih itu didermakan kepada DRP.
- 8.13 Tiada pernyataan, maklumat atau perjanjian dibuat atau diberi oleh, atau kepada, pihak yang memohon atau melaksanakan permohonan atau kepada yang lain, yang akan mengikat pihak Pengendali Takaful, kecuali dalam bentuk tulisan dan kemudiannya dikemukakan dan diluluskan oleh Pegawai Pengendali Takaful yang diberi kuasa.
- 8.14 Saya faham dan bersetuju akan memaklumkan kepada pihak Pengendali Takaful secara bertulis, sekiranya ada sebarang perubahan terhadap jawapan dan/atau kenyataan saya yang telah diberikan di atas mengenai tahap kesihatan, pekerjaan, status kewangan dan sebagainya, yang berlaku selepas permohonan ini diserahkan kepada pihak Pengendali Takaful sehinggalah Sijil dikeluarkan dan saya faham dan bersetuju bahawa permohonan ini mungkin akan dipertimbangkan semula berdasarkan kepada perubahan tersebut.
- 8.15 **Notis Perlindungan Data Peribadi**
- (a) Saya telah membaca Notis Data Peribadi Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful") dan dengan ini memberi kebenaran untuk data peribadi saya diproses mengikut Notis Data Peribadi HLM Takaful yang disertakan di laman web HLM Takaful (www.hlmsigtakaful.com.my).
- (b) Saya dengan ini mewakili dan memberi jaminan kepada pihak Pengendali Takaful bahawa saya telah mendapat persetujuan kesemua yang dinamakan di dalam borang permohonan saya atau apa-apa dokumen lain yang diserahkan kepada pihak Pengendali Takaful, termasuk tetapi tidak terhad kepada benefisiari saya, pengarah, pemegang saham, penandatangani yang diberi kuasa, atau pekerja ("Subjek Data Relevan"), untuk pengumpulan pihak Pengendali Takaful, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada Subjek Data Relevan mengikut Notis Data Peribadi HLM Takaful sebagaimana yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
- 8.16 Saya juga bersetuju sekiranya berlaku keluputan/kematangan, pembatalan, serahan, kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, saya akan melepaskan hak pemilikan saya terhadap baki Sumbangan Takaful yang tidak digunapakai yang ada di dalam DRP. Jumlah yang dilepaskan akan dianggap sebagai derma saya ke dalam DRP.
- 8.17 **Bagi Peserta yang memilih pelan-pelan Intan, Delima, Topas, Zamrud dan Nilam sahaja**
 Saya juga memahami bahawa bagi Keadaan Sedia Ada, manfaat Kematian, Keilatan Kekal dan Menyeluruh dan Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini tidak akan dibayar sekiranya Kematian, Keilatan Kekal dan Menyeluruh dan Penyakit Kritikal berlaku akibat atau diakibatkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh keadaan yang berikut: apa jua kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom yang berlaku sebelum Sijil Takaful berkuatkuasa sama ada rawatan atau perubatan atau rundingan atau nasihat atau diagnosis telah diminta atau diberikan. Selain dari perkara yang termaktub di dalam sijil, tiada manfaat yang akan dibayar jika berlaku kematian, Keilatan Kekal dan Menyeluruh dan Penyakit Kritikal disebabkan Keadaan Sedia Ada kecuali pada waktu kematian, keilatan atau penyakit didiagnosis, saya telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari tarikh perlindungan berkuatkuasa.
- 8.18 **Bagi Peserta yang memilih pelan Berlian sahaja**
- (a) Saya juga memahami bahawa:
- (i) sekiranya jawapan saya pada mana-mana soalan di Bahagian 5.0 "Kenyataan Kesihatan" di atas adalah "Ya", permohonan saya untuk Pakej Berlian akan ditolak, walaubagaimanapun saya boleh memilih mana-mana pakej yang lebih rendah
- (ii) bagi Keadaan Sedia Ada, manfaat Keilatan Kekal dan Menyeluruh dan Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini tidak akan dibayar sekiranya Keilatan Kekal dan Menyeluruh dan Penyakit Kritikal berlaku akibat atau diakibatkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh keadaan yang berikut: apa jua kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom yang berlaku sebelum Sijil Takaful berkuatkuasa sama ada rawatan atau perubatan atau rundingan atau nasihat atau diagnosis telah diminta atau diberikan. Selain dari perkara yang termaktub di dalam sijil, tiada manfaat yang akan dibayar jika berlaku Keilatan Kekal dan Menyeluruh dan Penyakit Kritikal disebabkan Keadaan Sedia Ada kecuali pada waktu keilatan atau Penyakit Kritikal didiagnosis, saya telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari tarikh perlindungan berkuatkuasa.
- (iii) Tiada manfaat yang akan dibayar jika berlaku kematian biasa kecuali pada waktu kematian, saya telah dilindungi selama lebih daripada tiga (3) bulan dari tarikh perlindungan berkuatkuasa.

Tandatangan Peserta/Pendeposit

Tarikh Permohonan:

9.0 SEMAKAN OLEH PTPN

Sila pastikan:

1. Salinan surat akuan anak jagaan yang sah (jika pendeposit adalah ibu/ bapa angkat)
2. Umur pendeposit dan penerima manfaat yang disahkan

Ya

Tidak

10.0 AKTA PEMATUHAN CUKAI AKAUN ASING (FOREIGN ACCOUNT TAX COMPLIANCE ACT - "FATCA")

10.1 Penepian Privasi Data FATCA

- (a) Pengendali Takaful dan pengendali-pengendali yang berkaitan dengannya dan gabungannya adalah tertakluk kepada dan perlu, atau telah bersetuju untuk mematuhi FATCA atau apa-apa perkiraan lain dengan kerajaan atau regulator asing yang mungkin berkuatkuasa dari semasa ke semasa ("Keperluan Melapor"). Oleh itu, saya dengan ini secara muktamad dan mutlak berikrar kepada Pengendali Takaful bahawa, Pengendali Takaful berhak untuk memberikan data peribadi dan maklumat yang diberikan kepada Pengendali Takaful oleh saya dan/atau yang diperoleh oleh Pengendali Takaful daripada domain awam, dan juga data peribadi yang diterima akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada saya, kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan, badan-badan regulator dan/atau mana-mana orang lain yang berkaitan dengan Keperluan Melapor. Saya dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa pendedahan tersebut mungkin melibatkan pemindahan data peribadi di luar Malaysia dan pendedahan itu boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berikut: (i) data peribadi Pemunya Polisi, Pemilik Kontingen, Hayat Diinsuranskan dan/atau Benefisiari (secara kolektif, "Pihak-Pihak" dan setiap satu "Pihak"); dan (ii) apa-apa maklumat yang berhubungan dengan, yang diterima daripada dan/atau berkaitan dengan Polisi ini dan mana-mana polisi lain yang dipegang oleh satu Pihak atau Pihak-Pihak.
- (b) Saya dengan ini mewakili dan memberi jaminan kepada Pengendali Takaful bahawa saya telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan di dalam borang permohonan saya atau apa-apa dokumen lain yang diserahkan kepada Pengendali Takaful, termasuk tetapi tidak terhad kepada benefisiari saya, pengarah, pemegang saham, penandatangani yang diberi kuasa, pekerja ("Subjek Data Relevan"), untuk pengumpulan Pengendali Takaful, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada Subjek Data Relevan mengikut Keperluan Melapor (seperti yang ditakrifkan di atas).

10.2 Sila tandakan salah satu yang di bawah:

Saya, pemegang sijil dan peserta ,dengan ini mengaku bahawa pernyataan di bawah adalah benar, tepat dan lengkap, Saya/kami faham bahawa istilah "orang AS" bererti mana-mana warganegara atau penduduk Amerika Syarikat (AS) atau pemegang kad hijau AS:

- Saya adalah orang AS -Sila lengkapkan Borang W-9 daripada <http://www.irs.gov/pub/irs-pdf/w9.pdf>
- Bukan orang AS - Saya bukanlah warganegara AS dan bukan juga pemaustatin AS bagi tujuan cukai pendapatan persekutuan AS dan bahawa saya/kami tidak bertindak bagi atau bagi pihak, seseorang pembayar cukai AS; Saya tidak dilahirkan di AS; Saya tidak memiliki pasport AS; Saya tidak mempunyai alamat residensi surat-menyurat terkini di AS atau nombor telefon di AS; Saya tidak meminta Pengendali Takaful untuk memproses:
 - (i) sebarang arahan tetap,agar sumbangan takaful dibuat kepada mana-mana akaun yang diselenggara di AS;
 - (ii) pemberian sebarang surat kuasa wakil kepada mana-mana individu yang beralamat surat-menyurat di AS, dan/atau;
 - (iii) permohonan saya dengan penandatangani yang diberi kuasa bagi mana-mana individu dengan alamat surat-menyurat di AS; Saya tidak memberi kepada Pengendali Takaful suatu alamat surat-menyurat yang berbentuk "dalam penjagaan" atau "untuk penjagaan" di dalam borang permohonan saya.
- Saya bukanlah orang AS tetapi salah satu atau lebih di antara yang berikut adalah benar bagi saya: Sila lengkapkan Borang W-BBEN daripada <http://www.irs.gov/pub/irs-pdf/wbben.pdf>:
 - (i) Saya dilahirkan di AS;
 - (ii) Saya memiliki pasport AS;
 - (iii) Saya mempunyai alamat residensi surat-menyurat terkini di AS atau nombor di AS, atau, saya tidak memberikan sebarang alamat tetap untuk surat menyurat;
 - (iv) Saya telah meminta Pengendali Takaful untuk memproses:
 - 1. sebarang arahan tetap agar bayaran dibuat kepada mana-mana akaun yang diselenggara di AS;
 - 2. pemberian sebarang surat kuasa wakil kepada mana-mana individu yang beralamat surat-menyurat di AS, dan/atau; Saya telah memberi kepada Pengendali Takaful suatu alamat surat-menyurat yang berbentuk "dalam penjagaan" atau "untuk penjagaan" di dalam borang cadangan saya.

10.3 Pengakuan

- (a) Pemegang Sijil Individu & Bukan Individu:
- (i) Saya bersetuju untuk Pengendali Takaful, atau mana-mana gabungannya termasuk cawangan-cawangan (HLM Takaful), melaporkan maklumat saya kepada pihak pengawal selia berkuasa selaras dengan kehendak Akta Pematuhan Cukai Asing (FATCA) sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.
 - (ii) Saya bersetuju bahawa Pengendali Takaful boleh menahan dari sijil saya, sejumlah amaun mengikut kehendak FATCA sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.
 - (iii) Saya faham bahawa suatu pernyataan palsu atau salah nyata status cukai oleh seseorang berstatus orang AS boleh membawa kepada penalti di bawah undang-undang Amerika Syarikat. Saya mengaku janji untuk memaklumkan kepada Pengendali Takaful secara bertulis dalam tempoh 30 hari jika terdapat perubahan dalam sebarang maklumat yang telah saya sediakan kepada Pengendali Takaful.
- (b) Untuk Pemegang Sijil Bukan Individu SAHAJA (contohnya korporat/entiti awam, koperasi, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, persatuan dan lain-lain):

Saya dengan ini bersetuju bahawa Pengendali Takaful boleh mengelaskan saya sebagai seorang Pemegang Sijil rekalsitran (seorang yang tidak mematuhi permintaan munasabah untuk maklumat bagi menentukan jika akaun itu adalah milik seseorang orang AS), atau institusi kewangan asing yang tidak mengambil bahagian (NPFFI) dan/atau menggantung, menarik balik atau menamatkan Sijil saya dan/atau manfaat yang diberikan kepada saya, sekiranya saya gagal untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap dan/atau dokumen sebagaimana yang diperlukan oleh Pengendali Takaful.

Jika ada sebarang perubahan maklumat yang diberikan kepada Pengendali Takaful yang membuatkan saya diklasifikasi sebagai Orang AS atau rekalsitran, Pengendali Takaful mempunyai hak untuk melaporkan maklumat saya kepada pihak pengawal selia berkuasa selaras dengan kehendak Akta Pematuhan Cukai Asing (FATCA) sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai SSPN-*i* ^{Plus}. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

Maklumat Ringkas Mengenai SSPN-*i* ^{Plus}

Pengenalan

Objektif skim ini bertujuan untuk membantu ibu/ bapa menabung bagi pendidikan anak-anak secara konsisten di samping mendapat manfaat perlindungan takaful serta pelbagai insentif dan keistimewaan SSPN-*i* ^{Plus} sedia ada yang ditawarkan kecuali pemberian Geran Sepadan dan perlindungan takaful *dollar to dollar*.

Syarat-syarat Penyertaan

Tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Ibu / bapa / penjaga yang sah yang hendak membuka akaun SSPN-*i* ^{Plus} mestilah warganegara Malaysia;
- (ii) Pendeposit boleh membuka akaun untuk dirinya sendiri dengan memilih hanya salah satu pakej sahaja;
- (iii) Setiap pendeposit boleh membuka lebih daripada satu akaun dengan mana-mana pakej (kecuali pakej Berlian yang terhad kepada 2 akaun bagi seorang pendeposit);
- (iv) Setiap pendeposit boleh membuka satu akaun sahaja untuk penerima manfaat yang sama dengan mana-mana pakej manakala penerima manfaat boleh mempunyai lebih dari satu akaun yang dibuka oleh pendeposit yang berbeza dengan mana-mana pakej;
- (v) Pendeposit mestilah mencapai umur 18 tahun sehingga sebelum mencapai 64 tahun;
- (vi) Penerima manfaat mestilah warganegara Malaysia dan berumur antara 1 hari sehingga sebelum mencapai umur 28 tahun; dan
- (vii) Penerima manfaat yang telah mempunyai akaun yang dibuka oleh ibu/ bapa/ penjaga boleh membuka akaun bagi dirinya sendiri atau membuka akaun untuk anak/ anak jagaannya yang sah.

Soalan Lazim

1. Apakah produk ini?

- SSPN-*i* ^{Plus} merupakan satu skim atau pelan simpanan yang direka oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi. SSPN-*i* ^{Plus} ditambahbaik daripada SSPN-*i* sedia ada dengan bayaran sumbangan takaful yang murah dan perlindungan yang komprehensif.
- SSPN-*i* ^{Plus} menggunakan konsep simpanan dengan komitmen bulanan dan jumlah simpanan dan bayaran sumbangan takaful adalah bergantung kepada pakej yang dipilih.
- Produk ini memberikan perlindungan sekiranya berlaku kematian atau keilangan kekal dan menyeluruh (KKM), sama ada semulajadi atau sebarang sebab, ke atas Peserta.
- Sumbangan bulanan hendaklah dibayar pada setiap ulangtahun bulanan. Tiada tempoh minimum atau maksimum, bagaimanapun pelan adalah boleh diperbaharui sehingga Peserta mencapai umur 65 tahun, hari jadi akan datang.

2. Adakah produk ini patuh syariah?

- Ya. Pelan simpanan ini adalah patuh syariah yang menggunakan konsep Wakalah Bil Istithmar bagi simpanan SSPN-*i* ^{Plus}. Produk ini telah mendapat pengesahan syariah oleh Islamic Banking and Financial Institution of Malaysia (IBFIM).
- Bagi perlindungan takaful yang ditawarkan pula, ianya menggunakan kontrak Wakalah iaitu melalui kaedah Iltizam Bi Al Tabarru' - bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru' (derma) iaitu suatu konsep di mana sebarang amaun dibayar oleh Peserta yang diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta diambil kira sebagai komitmen peserta untuk melakukan derma. Tabarru'/derma sebenar dikira berlaku hanya sekiranya berlaku aktiviti atau peristiwa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali.
 - (a) Tabarru' - sebahagian daripada sumbangan yang mana Peserta bersetuju untuk membayar apabila berlaku aktiviti atau peristiwa yang disahkan oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali, dengan itu membolehkan Peserta memenuhi tanggungjawabnya untuk saling membantu dan jaminan bersama sekiranya peserta-peserta lain mengalami kerugian lain yang ditakrifkan.
 - (b) Wakalah - bermaksud suatu perjanjian yang melantik Pengendali untuk menguruskan perkhidmatan secara menyeluruh yang diberikan di bawah Sijil Takaful. Pengendali akan mengambil sebahagian sumbangan sebagai Yuran Wakalah untuk perkhidmatan yang diberikan.
 - (c) Mudharabah (perkongsian keuntungan) - bermaksud suatu kontrak antara Pengendali dan Peserta di mana Peserta memberikan Sumbangan untuk diurus dan ditadbir oleh Pengendali bagi pihak Peserta untuk tujuan pelaburan. Sebarang keuntungan pelaburan daripada pelaburan Dana Peserta akan dikongsi antara Peserta dan Pengendali dengan nisbah 90:10 masing-masing.
 - (d) Ju'alah - bermaksud suatu perjanjian dimana Peserta bersetuju untuk memberi ganjaran kepada Pengendali atas pencapaiannya atau prestasi yang baik dalam menguruskan Dana Risiko Peserta yang membawa kepada lebihan kepada Dana Risiko Peserta.

3. Apakah pakej yang ditawarkan melalui SSPN-*i Plus*?

SSPN-*i Plus* menawarkan enam (6) pelan pilihan dengan komitmen terendah sebanyak RM30 sebulan. Pakej yang ditawarkan adalah seperti Jadual di bawah:

PELAN-PELAN	INTAN	DELIMA	TOPAS	ZAMRUD	NILAM	BERLIAN
Simpanan Bulanan SSPN- <i>i Plus</i>	RM20.00	RM40.00	RM90.00	RM180.00	RM270.00	RM200.00
Sumbangan Bulanan Takaful	RM10.00	RM10.00	RM10.00	RM20.00	RM30.00	RM300.00
Jumlah	RM30.00	RM50.00	RM100.00	RM200.00	RM300.00	RM500.00
Manfaat Takaful:						
Kematian/Keilatan Kekal & Menyeluruh (Kemalangan)	RM40,000.00	RM40,000.00	RM40,000.00	RM80,000.00	RM120,000.00	RM1,000,000.00
Kematian/Keilatan Kekal & Menyeluruh (Biasa)	RM20,000.00	RM20,000.00	RM20,000.00	RM40,000.00	RM60,000.00	RM500,000.00
Keilatan Kekal & Sebahagian (Biasa dan Kemalangan)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	RM100,000.00
36 Penyakit Kritikal (bayaran manfaat dipercepatkan)	RM10,000.00	RM10,000.00	RM10,000.00	RM20,000.00	RM30,000.00	RM100,000.00
Manfaat Pendapatan Hospital (tertakluk kepada had maksimum 52 minggu sesuatu penginapan)	RM20.00 sehari	RM20.00 sehari	RM20.00 sehari	RM40.00 sehari	RM60.00 sehari	RM200.00 sehari
Khairat Kematian 1. Pendeposit 2. Pasangan (yang pertama & sah sahaja) 3. Anak	RM2,500.00 RM2,500.00 RM1,000.00 (setiap anak –maksima 3 orang anak sahaja)					RM18,000.00 RM9,000.00 RM2,000.00 (setiap anak –maksima 3 orang anak sahaja)

4. Berapakah jumlah yang saya perlu bayar?

Jumlah yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih. Sila rujuk Jadual di atas.

5. Apakah terma dan syarat yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada Sijil Takaful untuk terma dan syarat di bawah Sijil ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah perlindungan Takaful?

Manfaat Kematian:

Sila rujuk Aqad bahagian 8.16 dan 8.17 pada mukasurat 4.

Manfaat Keilatan Kekal Menyeluruh (KKM):

Tiada manfaat Takaful akan dibayar sekiranya Keilatan Kekal dan Menyeluruh secara langsung atau tidak langsung berlaku akibat:

- kecederaan yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah yang diberi menerusi preskripsi oleh pengamal perubatan sah yang berkeelayakan; atau
- melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa jua kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang melainkan dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau
- sebarang pelanggaran undang-undang, yang membawa hukuman mati oleh Peserta; atau
- jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS atau sebarang penyakit berkaitan AIDS; atau
- perkhidmatan tentera atau tentera laut pada masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak, semasa di bawah arahan untuk operasi seperti peperangan atau memulihkan ketenteraman awam; atau
- Keadaan Sedia Ada.

- Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, gabungan nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif.
- Sebarang penglibatan dalam aktiviti mendaki gunung atau memanjat.
- Mengambil bahagian dalam latihan atau untuk mana-mana sukan berbahaya atau pertandingan atau menunggang atau memandu dalam sebarang bentuk perlumbaan atau pertandingan.

Manfaat Penyakit Kritikal:

Manfaat Takaful tidak akan dibayar jika Penyakit Kritikal disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- Keadaan Sedia Ada; atau
- Penyakit Khusus yang berlaku dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan berterusan; atau
- Jika penyakit disahkan menerusi diagnosis dalam masa tiga puluh (30) hari tarikh pengeluaran Kontrak Tambahan ini atau tarikh pengembalian semula, yang mana lebih lewat; atau
- Selain daripada kejadian pertama Penyakit Berbahaya; atau
- Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh kecederaan yang disengajakan, semasa siuman atau tidak siuman, sengaja menyalahgunakan alkohol dan/atau pengambilan ubat selain daripada mengikut arahan Pengamal Perubatan berdaftar; atau
- Sebarang kecederaan atau penyakit yang dialami semasa:
 - (i) giat menyertai rusuhan, mogok atau kekacauan awam, kebangkitan, peperangan atau penaklukan atau sebarang tindakan yang berkaitan dengannya
 - (ii) Penerbangan, meluncur atau sebarang bentuk penerbangan udara (selain daripada penumpang membayar tambang yang menaiki penerbangan terjadual) atau lumba motor, lumba kuda atau operasi kapal selam.
- Kehamilan atau kelahiran anak, melainkan kehilangan upaya berterusan selama lebih daripada tiga (3) bulan selepas tamat kehamilan; atau
- Untuk Peserta Juvenil, sebarang kerosakan/kecacatan kongenital (sejak lahir) dikecualikan secara khusus.

Manfaat Kematian akibat Kemalangan:

Manfaat Takaful tidak akan dibayar jika Kematian Akibat Kemalangan disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada:

- kecederaan disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah yang disyorkan oleh pengamal perubatan sah yang berkecualian; atau
- melibatkan diri dalam penerbangan untuk tujuan melakukan sebarang pekerjaan atau operasi teknikal atau hobi atau dalam apa jua kegiatan penerbangan kecuali sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang dijadualkan secara tetap menggunakan pesawat komersial atau perkhidmatan sewa; atau
- sebarang pelanggaran undang-undang oleh Peserta yang membawa hukuman mati; atau
- jangkitan HIV, AIDS atau sebarang kerumitan berkaitan AIDS atau sebarang penyakit berkaitan AIDS; atau
- perkhidmatan tentera darat atau laut pada masa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, semasa di bawah arahan bagi operasi seperti peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- kecederaan akibat pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, bahan senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
- Penglibatan dalam sebarang kegiatan mendaki gunung atau memanjat batu; atau
- Penyertaan dalam atau latihan untuk sebarang sukan dan pertandingan berbahaya atau memudaratkan atau menunggang atau memandu dalam apa jua bentuk perlumbaan atau pertandingan.

7. Apakah yang akan terjadi sekiranya pendeposit gagal membuat bayaran komitmen bulanan selepas tarikh bayaran yang ditetapkan?

Sekiranya tiada sebarang bayaran diterima selepas tarikh bayaran yang ditetapkan, maka akaun simpanan SSPN-*i* akan ditutup serta-merta.

8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan untuk memastikan sebarang maklumat sampai kepada anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan produk SSPN-*i* ini, sila rujuk kepada

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Tingkat Bawah, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II, No.12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Careline: 03-2193 3000

Portal rasmi: www.ptptn.gov.my

Aduan: <http://icare.ptptn.gov.my>

Atau berkenaan perlindungan Takaful, sila rujuk kepada buku insuranceinfo tentang "Takaful Keluarga", yang boleh didapati di semua cawangan Pengendali Takaful atau layari www.insuranceinfo.com.my.